

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR**  
**BILANGAN 1/1982**

---

**PENJUALAN TANAH-TANAH LOT TEPI DI RANCANGAN-RANCANGAN  
PERUMAHAN USAHASAMA SYARIKAT-SYARIKAT SWASTA DENGAN  
KERAJAAN NEGERI**

---

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor yang bersidang pada 11 Mac 1982 telah meluluskan Penjualan Tanah-Tanah lot tepi di rancangan-rancangan Perumahan Usahasama Syarikat-Syarikat Swasta dengan Kerajaan Negeri.

2. Pada masa ini ada terdapat setengah-setengah syarikat telah mengenakan bayaran yang sangat-sangat berlebihan dimana setengah-setengah perumahan mengenakan tambahan harga lot tepi sama harganya dengan rumah lot tengah ( sekali ganda daripada harga lot tengah ).
3. Oleh itu Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri memutuskan supaya syarikat-syarikat usahasama rancangan perumahan hanya dibenarkan mengenakan bayaran tambahan rumah-rumah lot tepi seperti berikut:-
  - a) Rumah tepi dikenakan harga tambahan 5% (lima peratus) daripada harga jualan.
  - b) Tanah-tanah tepi (corner lot) dikenakan bayaran RM4.00 (Ringgit empat sahaja) bagi sekaki persegi tanah.
4. Dengan ini Pemungut-Pemungut Hasil Tanah adalah dikehendaki mematuhi keputusan di perenggan 3 (a) dan (b) diatas dan memasukkan ke dalam Surat Ringkasan sebagai salah satu daripada syarat kelulusan bagi semua permohonan untuk rancangan usahasama apabila mengemukakan Surat Ringkasan untuk pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

T.T  
**(ABDUL HADI BIN HAJI SIDEK)**  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
SELANGOR

PTG.Sel 2135 (T)

Shah Alam  
15hb April 1982